



22 Disember 2016
22 December 2016
P.U. (A) 347

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN DEBENTUR RUNCIT DAN SUKUK RUNCIT) 2016

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE ON ISSUANCE OF RETAIL DEBENTURE AND RETAIL SUKUK) RULES 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN DEBENTUR RUNCIT DAN SUKUK RUNCIT) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 154(1)(b) dan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan ke atas Terbitan Debentur Runcit dan Sukuk Runcit) 2016.**

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, hendaklah dibenarkan sebagai potongan suatu amaun bersamaan dengan jumlah amaun yang dinyatakan dalam subkaedah (6) atau (7), mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan perbelanjaan tambahan yang dilakukan oleh syarikat itu ke atas terbitan—

(a) debentur runcit yang diluluskan atau dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671];

(b) sukuk runcit yang distruktur menurut prinsip *Murabahah* atau *Bai' Bithaman Ajil* (berasaskan konsep *Tawarruq*), *Mudharabah*, *Musyarakah*, *Istisna'* atau mana-mana prinsip Shariah selain prinsip yang disebut dalam perenggan (c), yang diluluskan atau

dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

- (c) sukuk runcit yang distruktur menurut prinsip *Ijarah*, atau *Wakalah* yang terdiri daripada komponen gabungan aset dan hutang, yang diluluskan atau dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(2) Perbelanjaan tambahan yang disebut dalam subkaedah (1) ialah—

- (a) fi profesional yang berhubungan dengan usaha wajar, penggubalan dan penyediaan prospektus;
- (b) kos percetakan prospektus;
- (c) kos pengiklanan prospektus;
- (d) fi pendaftaran prospektus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- (e) fi pemprosesan dan fi penyenaraian awal Bursa Malaysia;
- (f) fi pengkreditan terbitan baharu Bursa Malaysia; dan
- (g) fi pengagihan utama.

(3) Debentur runcit yang disebut dalam perenggan (1)(a) adalah apa-apa debentur yang diterbitkan atau ditawarkan kepada pelabur runcit dan termasuklah debentur yang berkenaan dengannya suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli debentur yang diterbitkan kepada pelabur runcit.

(4) Sukuk runcit yang disebut dalam perenggan (1)(b) dan (c) adalah apa-apa sukuk yang diterbitkan atau ditawarkan kepada pelabur runcit dan termasuklah sukuk

yang berkenaan dengannya suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sukuk yang diterbitkan kepada pelabur runcit.

(5) Pelabur runcit yang disebut dalam subkaedah (3) dan (4) adalah mana-mana orang selain—

- (a) Bank Negara Malaysia yang disebut dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*];
- (b) orang yang kepadanya suatu penawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali dibuat sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 6 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan
- (c) orang yang kepadanya suatu terbitan terkecuali dibuat sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 7 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(6) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan (1)(a) atau (b) hendaklah bersamaan dengan dua kali amaun perbelanjaan tambahan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(7) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan (1)(c) hendaklah bersamaan dengan amaun perbelanjaan tambahan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(8) Dalam kaedah ini—

“debentur runcit” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepada takrif “debentur” dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;